

Dr. M. puashati perkara urusan naik pangkat pegawai kerajaan

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau puashati dengan perjalanan Lembaga Kenalkan Pangkat Pegawai-pegawai Kerajaan dan tidak bercadang untuk menyemak dan merombak keanggotaan lembaga tersebut.

Ketika menjawab soalan Tengku Noor Aslah (BN-Tumpat) di Dewan Rakyat hari ini, beliau menjelaskan keanggotaan Lembaga Kenalkan Pangkat tidak ada kaitan langsung dengan peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai.

Katanya lagi, tugas lembaga itu hanyalah menimbang perakuan-perakuan kenaikan pangkat yang dikemukakan oleh ketua jabatan ber-

KUALA LUMPUR, Jumaat

kenaan dengan berdasarkan kepada asas-asas kenaikan pangkat yang tertentu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, kenaikan pangkat para pegawai awam baik pegawai PTD mahupun doktor, akitek, jurutera, akuant dan lain-lain adalah berdasarkan kepada beberapa faktor iaitu syarat-syarat yang ditetapkan dalam sekem perkhidmatan masing-masing.

Katanya, kekosongan jawatan-jawatan di peringkat tingkatan tertinggi dan prestasi serta laporan suli mereka yang baik juga turut dipertimbangkan.

Bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Ikhhtis dan Perkhidmatan tadbir

dan Diplomatik, syarat-syarat yang melayakkan seseorang itu dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

Bagi kenaikan pangkat ke tingkatan kanan, seseorang pegawai itu hendaklah terlebih dahulu disahkan dalam jawatannya dan berkhidmat selama 5 tahun dalam tingkatan biasa.

Bagi kenaikan pangkat ke tingkatan tertinggi, katanya seseorang pegawai itu hendaklah disahkan dalam jawatannya dan berkhidmat selama 7 tahun dalam tingkatan biasa ataupun 2 tahun dalam tingkatan kanan.

Bagi pegawai-pegawai di Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik

pula, mereka dikehendaki menghadiri kursus di INTAN dan seterusnya dikehendaki menghadiri temuduga di hadapan satu panel dan mulai daripada tahun hadapan, mereka akan dikenakan juga mengambil peperiksaan sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat ke tingkatan tertinggi.

Tugas2

Bagi kenaikan pangkat ke atas, ini adalah berdasarkan kepada kecakapan, kesesuaian dan kebolehan pegawai-pegawai itu menjalankan tugas-tugas mereka, tambah beliau.

"Saya berpuashati dengan perjalanan Lembaga Naik Pangkat dan saya tidak bercadang untuk menyemak dan merombak keanggotaan lembaga tersebut," katanya.

Dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat sangatlah sukar bagi Lembaga Kenalkan Pangkat untuk memberi keputusan hati kepada tiap-tiap pegawai dalam golongan yang terlibat, ujarnya.

Tambahan lagi, pada kebiasaannya di dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat bilangan pegawai yang layak ditimbangkan adalah melebihi jawatann-jawatan yang kosong.

Encik Lim Kit Siang (Kota Melaka), Datuk Seri Dr. Mahathir mengakui memang ada perasaan hampa dan kecewa dikalangan para pegawai profesional dalam soal kenaikan pangkat ini.

Katanya, perasaan saumpama itu tidak dapat dihapuskan walau seberapa banyak jawatan tinggi diadakan.